

30 AUG 1997

Mahathir-Anwar

ANWAR TIDAK LETAK JAWATAN SEBAGAI MENTERI KEWANGAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan dan menyangkal dakwaan kemerosotan harga saham kini di Bursa Saham Kuala Lumpur menjadi punca khobar angin mengenai peletakan jawatan itu.

"Anwar tidak meletakkan jawatan. Beliau akan berada di situ dan berusaha sedaya boleh menangani perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung ke-44 MCA di Wisma MCA di sini.

Perdana menteri yang mengumumkan beberapa langkah untuk menguatkan pasaran saham tempatan dan menahan kemerosotan nilai ringgit dua hari lepas, juga berkata beliau tidak mengambil alih Kementerian Kewangan.

Katanya beliau dan timbalannya berjumpa sepanjang masa dan "kami sedang sama-sama erat berusaha."

Dr Mahathir berkata beliau bertanggungjawab kerana beliau merupakan ketua kerajaan dan beliau tidak boleh hanya membiarkan sesiapa menjalankan tanggungjawabnya tanpa beliau membantu.

"Saya mahu memberitahu penyebar khobar angin ini bahawa saya tidak mengambil alih Kementerian Kewangan jika itu yang mereka cadangkan.

"Inilah khobar angin yang mereka sebarkan...saya tidak tahu apa yang hendak dikatakan mengenai mereka ini yang tiada langsung mempunyai kepentingan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata penyebar khobar angin yang tidak bertanggungjawab ini "sebenarnya patut ditembak" kerana apa yang mereka pertingkan ialah bagaimana untuk membuat kekayaan bagi diri mereka kerana mereka tidak kisah langsung mengenai negara.

Dr Mahathir menyatakan keyakinan bahawa pasaran saham akan pulih dalam masa seminggu.

"Ia akan mengambil sedikit masa itu menunjukkan hasilnya tetapi kita jangkakan harga-harga saham akan beransur-ansur naik," katanya.

Beliau berkata semua orang akan susah jika harga-harga turun dan broker serta ahli bank kurang membuat keuntungan.

"Ingat pada 1993 semasa harga-harga naik, broker dan remisier membuat keuntungan bertimbun kerana harga-harga naik," katanya.

Mengenai nasihat Tabung Kewangan Antarabangsa supaya Malaysia mengurangkan projek-projek besar, Dr Mahathir bekrata beliau kecewa kerana IMF tidak begitu membantu.

"Saya mahu mengatakan bahawa selepas ia membantu Thailand, nilai bhat Thai masih menurun dan ekonomi Thai masih teruk selepas meminjam US\$21 bilion daripada mereka," katanya.

"Jadi kenapa kita pinjam daripada IMF jika ia tidak dapat membantu kita?" tanya beliau. -- BERNAMA

ZAB RON